

22 Ogos 2018

Kepada Badan atau Orang Perseorangan yang berkepentingan,

**Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Audit Persijilan MSPO Bagi Kulim (M) Berhad – Unit Pengurusan Kilang Kelapa Sawit Tereh & ladang, Kluang, Johor, Malaysia**

Kulim (M) Berhad telah melantik BSI untuk melaksanakan audit pensijilan MSPO untuk Kilang Kelapa Sawit Tereh dan ladang-ladangnya. Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

<b>Unit Pengurusan Kilang Kelapa Tereh</b>	
Nama Kilang Sawit	Kilang Kelapa Sawit Tereh
Kapasiti Kilang Sawit (mt/jam)	60 mt/jam
Alamat	KB 538 86009 Kluang, Johor
Rujukan GPS (Kilang Sawit)	103° 21 5.00" E ; 2° 13' 3.06" N

<b>Unit Pengurusan Ladang</b>			
Nama Unit Pengurusan Ladang		Tereh	
<b>Ladang</b>	<b>Alamat</b>	<b>Rujukan GPS</b>	<b>Luas Ladang (ha)</b>
Tereh Utara	Kluang, Johor	103° 20' 36.05" E; 2° 15' 5.20" N	3,092.20
Tereh Selatan	Kluang, Johor	103° 21' 8.37" E; 2° 11' 38.37" N	2,719.56
Selai	Kluang, Johor	103° 23' 14.81" E; 2° 6' 14.41" N	1,800.17
Eggang	Kluang, Johor	103° 25' 36.58" E; 2° 16' 12.10" N	1,734.38
Mutiara	Kluang, Johor	103° 28' 52.13" E; 2° 17' 16.61" N	2,452.30
Sg Sembrong	Kluang, Johor	103° 27' 49.49" E; 2° 18' 54.84" N	1,240.87
Sg Tawing	Kluang, Johor	103° 21' 11.58" E; 2° 17' 46.75" N	2,229.00
Wawasan	Kluang, Johor	103° 22' 45.11" E; 2° 14' 15.11" N	362.30
Rengam	Kluang, Johor	103° 24' 49.02" E; 1° 53' 21.97" N	2,480.87
<b>Jumlah Luas Ladang</b>			<b>19,443.45</b>

BSI merancang untuk melakukan audit pensijilan Unit Pengurusan Kilang Kelapa Sawit Tereh dan Ladang pada 24 - 29 September 2018. Audit pensijilan akan diadakan menurut MSPO MS 2530-3:2013 – *General principles for oil palm plantations and organized smallholders* & MS 2530-4:2013 – *General principles for palm oil mills*. Salinan standard boleh didapati secara atas talian di <http://www.msonline.gov.my/catalog.php>. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian Standard MS 2530:2013 Malaysia.

BSI adalah pembekal penilaian dan pensijilan sistem pengurusan global terkemuka, dengan lebih dari 60,000 lokasi yang diiktiraf dan pelanggan di lebih dari 100 buah negara. Piawaian BSI adalah sebuah Badan Piawaian Kebangsaan United Kingdom.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan audit penilaian utama di Kilang Kelapa Sawit Tereh dan ladang-ladangnya terdiri daripada:

**En. Mohamed Hidhir Zainal Abidin** sebagai Ketua Juruaudit (Aspek Alam Sekitar, Aspek Keselamatan & Kesihatan Pekerja, Amalan Pertanian Terbaik di Ladang, Aspek Undang-Undang) dan **En. Kelvin Lim** sebagai Juruaudit (HCV, Aspek Undang-undang, Alam Sekitar & Sosial, temuduga stakeholder dalaman dan luaran)

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Alam Sekitar & Aspek Sosial
- Pelindungan Alam Sekitar
- Pemuliharaan Biodiversity
- Peluang Pekerjaan
- Pendekatan syarikat untuk pembangunan penduduk setempat
- Hubungan pihak tuan dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam membuat keputusan
- *Free, Prior and Informed Consent*
- Hak kemunusiaan dan perlindungan buruh kanak-kanak
- Cadangan untuk penambahbaikan
- Kepatuhan unit pengurusan

Satu mesyuarat dengan pihak berkepentingan akan diatur seperti tarikh yang dinyatakan di atas. Pihak tuan dijemput hadir untuk memberi pandangan dan pendapat semasa mesyuarat tersebut. Sila hubungi Pengurus Skim seperti di bawah sekiranya ingin turut hadir mesyuarat tersebut. Butir-butir adalah seperti di bawah.

Atapun, pendapat dan pandangan anda boleh disalurkan dalam bentuk bertulis. Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama: .....  
 Alamat: .....  
 Email: .....  
 Nombor Telefon: .....  
 Nombor Faks: .....

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

**Pengurus Operasi**

En. Nicholas Cheong  
 BSI Services Malaysia Sdn Bhd  
 Unit 10-03, Level 10, Tower A  
 The Vertical Business Suites  
 Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi  
 59200 Kuala Lumpur Malaysia  
 Fax : +603-2242 4218  
 Email : [Nicholas.Cheong@bsigroup.com](mailto:Nicholas.Cheong@bsigroup.com)

**DAN/ATAU**

**Auditee:**

Mrs Salasah Elias  
 Deputy General Manager System and Sustainability  
 Kulim (M) Berhad  
 K.B. 705 80990 Johor Bahru  
 Johor, Malaysia  
 Fax : +607-863184 / 07 8611194  
 Email : [salasah@kulim.com.my](mailto:salasah@kulim.com.my)



Jika ada terdapat sebarang aduan, sila lawati <https://www.bsigroup.com/en-MY/our-services/Customer-Feedback-Policy-and-Procedure/> untuk prosedur yang lebih lengkap.

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,



.....  
Nicholas Cheong  
Pengurus Skim